

06/11/2001

Majlis Aids Malaysia sokong deklarasi

MAJLIS Aids Malaysia (MAM) dan beberapa aktivis Aids serantau mengalu-alukan deklarasi Sidang Kemuncak Asean ke-7 Mengenai HIV/Aids yang antara lain menyediakan kemudahan rawatan pada kos munasabah kepada penghidap penyakit itu.

Presiden MAM, Datin Paduka Marina Mahathir, dalam satu kenyataan yang dikeluarkan Sekretariat Asean di sini, hari ini berkata, jika semua 10 anggota Asean mencapai persepakatan mengenai harga ubat rawatan, maka usaha berkenaan akan menjadi lebih berkesan.

Sehubungan itu, katanya, syarikat pengeluar ubat berkenaan perlu mengambil perhatian mengenai 500 juta penduduk rantau Asean.

Setiausaha Agung Asean, Rodolfo C Severino Jr, berkata negara anggota Asean akan mengkaji kemungkinan mengadakan perbincangan dengan syarikat pengeluar ubat rawatan HIV/Aids bagi mendapatkan harga berpatutan dan munasabah.

Katanya, ia merangkumi pelbagai peringkat, termasuk menjalankan kajian bagi mengkaji peluang kerjasama. Untuk itu, ia akan mengambil kira pengalaman negara lain yang mengimport secara pukal ubat-ubatan seperti Thailand, India, Afrika Selatan dan Brazil.

Aktivis Aids Indonesia, Yacintha Desembriartista, pula berkata penghidap HIV/Aids memerlukan penjagaan dan sokongan bukan saja untuk meningkatkan taraf hidup mereka supaya dapat menyumbang secara positif kepada masyarakat.

Beliau yang juga Ketua Yayasan Hati-Hati di Bali, berkata sokongan termasuk dari segi kesihatan dan perkhidmatan serta kemudahan mendapatkan ubat bagi tujuan rawatan untuk penghidap.

(END)